

24 penghuni RBNS perlu bantuan



PERLUKAN PERHATIAN...

sebahagian anak yatim yang menghuni Rumah Bakti Nur Syaheera di Cheras.

JOHARI... mohon sumbangan.



ANAK yatim adalah antara golongan yang perlu dikasihani, disayangi serta mendapat pembelaan sewajarnya.

Bayangkan selepas ketiadaan ayah atau ibu, tiada lagi tempat mereka bergantung harap dan sumber inspirasi.

Mereka juga seperti anak-anak lain yang sentiasa menginginkan sebuah kehidupan sempurna dan ceria selalu.

Justeru, masyarakat sekeliling perlu membantu memberi sumbangan dan bimbingan supaya mereka mampu berdikari sendiri kelak.

Mereka perlu diberikan tempat perlindungan terbaik selain keperluan seperti makanan, pakaian dan pendidikan sempurna.

Rumah Bakti Nur Syaheera (RBNS) antara rumah perlindungan yang menjalankan tanggungjawab sosial menjaga anak-anak yatim dan miskin di sekitar Lembah Klang.

Pengerusinya, Johari Basri, berkata rumah bakti itu ditubuhkan pada 1 Julai 2009 menempatkan seramai 24 penghuni di Taman Jaya Baru, Cheras.

"Disebabkan rumah ini baru saja diwujudkan, kami masih memerlukan sumbangan orang ramai.

"Setakat ini kami menanggung sepenuhnya perbelanjaan termasuk makanan,

persekolahan, tuisyen, kelas fardu ain dan gaji pekerja berjumlah RM12,000 sebulan," katanya.

Beliau berkata rumah yang didiami sekarang disewa sebanyak RM1,600 sebulan yang menempatkan blok asrama lelaki, asrama perempuan serta pejabat pentadbiran.

"Kami berharap memiliki kediaman sendiri kerana rumah sekarang boleh diambil semula bila-bila masa saja," katanya.

Menurutnya, jika impian itu terlaksana, aktiviti seharian anak yatim dapat dipusatkan setempat kerana kemudahan seperti sekolah dan surau berada berdekatan rumah berkenaan.

"Kami mengenal pasti kawasan dan rumah berkenaan di Seksyen 7, Bandar Baru Bangi yang berharga RM450,000," katanya.

Sehubungan itu, syarikat korporat atau individu yang ingin menghulurkan sumbangan boleh berbuat demikian melalui akaun Pertubuhan Kebajikan Nur Syaheera Kuala Lumpur, nombor akaun 564856111166 (Maybank).

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Johari Basri di talian 012-2922542 atau melayari laman web www.nursyaheera.com